# Peminjaman Radas Penyinaran

## (A). Syarikat Pemberi Pinjam

1. Modul ini disediakan bagi menggantikan Modul Kebenaran Peminjaman Radas Penyinaran.
2. Ianya tidak melibatkan sebarang kelulusan dari pihak AELB dan urusan hanya melibatkan syarikat pemberi pinjam dan syarikat peminjam.
3. Modul ini boleh dicapai di bahagian tab Maklumbalas & Kemaskini→Penyata Pemilikan→Radas Penyiinaran. Klik tab Peminjaman Radas.
4. Syarikat Pemberi Pinjam perlu memenuhi syarat berikut:
   - Radas tersebut hak milik syarikat pemberi pinjam.
   - Radas tersebut tidak dalam sitaan.
   - Syarikat mempunyai tempoh sah lessen yang masih sah
   - Syarikat mempunyai Pegawai Perlindungan Sinaran/PPB/JPS yang sah.
   - Tempoh penyenggaraan masih sah (jika berkenaan).




5. Untuk merekodkan peminjaman baru, klik pada pautan [Baru] di ruangan Dipinjamkan Kepada (seperti (a) pada gambarajah di bawah) .



6. Buat carian syarikat peminjam dengan menggunakan no lesen syarikat.
7. Maklumat peminjam akan dipaparkan jika memenuhi syarat berikut:
   - Peminjam mempunyai tempoh sah lesen yang masih sah
   - Mempunyai lessen kelas C (Radas Penyinaran)
   - Mempunyai meter tinjau yang sah (sama ada dimiliki atau dipinjam).

8. Isikan maklumat no lesen dan klik butang Cari seperti gambarajah di bawah:










9. Klik butang Seterusnya>>.
10. Isikan maklumat No Siri Panel dan/atau No Siri Tiub dan klik butang Cari. Maklumat bahan akan dipaparkan jika:
    - Radas adalah hak milik syarikat pemberi pinjam
    - Radas tersebut tidak dalam sitaan.
    - Radas tersebut dilesenkan oleh peminjam.
    - Jumlah yang dipinjam dan sedia ada tidak melebihi dari yang dilesenkan oleh peminjam.
    - Nisbah pekerja sinaran dengan radas penyinaran adalah 1:2 (bagi radiografi industri)




11. Tandakan ruangan Pilih Radas dan klik butang Simpan. Maklumat radas yang dipilih akan disenaraikan dalam ruangan Senarai Radas Penyinaran Yang Akan Dipinjamkan.
12. Jika ingin membatalkan pilihan, tandakan ruangan Hapus dan klik butang Hapus.










13. Klik butang Seterusnya>>.
14. Isikan maklumat perincian pinjaman seperti tarikh mula pinjam, tarikh tamat pinjam dan surat persetujuan/kebenaran peminjaman.




15. Selepas lengkap pengisian maklumat, klik butang Seterusnya>>.

16. Tempoh sebenar tamat peminjaman akan dipaparkan di ruangan Pengesahan dengan mengambil kira faktor tersebut:
    - Tarikh tamat lesen
    - Tarikh tamat sah PPS/JPS/PPB
    - Tarikh tamat sah kalibrasi meter tinjau.
    - Tidak melebihi 90 hari.

17. Isikan ruangan Pengesahan dan klik butang Kemaskini.




18. Paparan di bawah adalah perincian bagi maklumat **(b)** berkaitan senarai draf peminjaman:



19. Paparan di bawah adalah contoh perincian untuk pembatalan draf peminjaman. Tandakan ruangan Pengesahan dan klik butang Kemaskini :

**Maklumat Perincian Peminjaman**

| | |
|---|---|
| Syarikat Pemberi Pinjam | [redacted] |
| Syarikat Peminjam | [redacted] |
| Surat Kebenaran Peminjaman | : [ Muat Turun ] |
| Tarikh Mula Pinjam | : |
| Tarikh Tamat Pinjam | : |
| TEMPOH SEBENAR DIBERI OLEH SISTEM | : |

**Senarai Radas Penyinaran Yang Dipinjamkan**

| Jenis dan Model | No Siri Panel | No Siri Tiub | Tempoh Sah Penyenggaraan |
|---|---|---|---|
| XXG 3005 | MK616 | 6053 | |

**Pengesahan Pembatalan Draf Peminjaman Syarikat Pemberi Pinjam**

Sila tandakan ruangan Pengesahan jika pihak syarikat ingin membatalkan draf peminjaman radas penyinaran terlibat.

Pengesahan ☐

<< Sebelum | Kemaskini

20. Paparan di bawah adalah perincian maklumat **(c )** berkaitan pembatalan peminjaman oleh Pemberi Pinjam dalam tempoh menunggu pengesahan (5 hari) dari Peminjam :

<< Sebelum

- Pembatalan ini disediakan jika syarikat pemberi pinjam ingin membatalkan peminjaman dalam tempoh 5 hari menunggu pengesahan dari pihak peminjam.

**Carian Maklumat**

Nama Peminjam

No Lesen Peminjam

Cari

**Peminjaman Radas Penyinaran - Pembatalan Peminjaman Oleh Syarikat Pemberi Pinjam**

| Batal | ID | Syarikat Peminjam | Tarikh Mula Pinjam | Tarikh Tamat Pinjam | Maklumat Radas Penyinaran Terlibat |
|---|---|---|---|---|---|
| 🗑 | 60 | MEGANDE KONSINDO SDN. BHD. (1609) | 04/01/2017 | 06/03/2017 | Model: XXG 3005; No Siri Panel: MK616; No Siri Tiub: 6053 |

**Maklumat Perincian Peminjaman**

| | |
|---|---|
| Syarikat Pemberi Pinjam | [redacted] |
| Syarikat Peminjam | [redacted] |
| Surat Kebenaran Peminjaman | : 20170104165404.Doc2.doc [ Muat Turun ] |
| Tarikh Mula Pinjam | : 04/01/2017 |
| Tarikh Tamat Pinjam | : 31/03/2017 |
| TEMPOH SEBENAR DIBERI OLEH SISTEM | : 06/03/2017 |

**Senarai Radas Penyinaran Yang Dipinjamkan**

| Jenis dan Model | No Siri Panel | No Siri Tiub | Tempoh Sah Penyenggaraan |
|---|---|---|---|
| XXG 3005 | MK616 | 6053 | |

**Pengesahan Pembatalan Peminjaman Syarikat Pemberi Pinjam**

Sila tandakan ruangan Pengesahan jika pihak syarikat ingin membatalkan peminjaman radas penyinaran terlibat.

Pengesahan ☐

<< Sebelum | Kemaskini

21. Hasil paparan pada pemilikan bahan radioaktif Syarikat Pemberi Pinjam selepas selesai proses peminjaman boleh dicapai di bahagian berikut
    - Tab Maklumbalas & Kemaskini→Penyata Pemilikan→Radas Penyinaran. Klik Tab Senarai Pemilikan



## (B). <u>Syarikat Peminjam</u>

1. Syarikat peminjam akan menerima notis peminjaman melalui 2 kaedah:
   - Email syarikat
   - Peringatan peminjaman di Laman Utama sistem eLesen-eSPP (seperti gambarajah di bawah).




Klik pada pautan SILA SEMAK untuk pengesahan

2. Senarai rekod yang memerlukan pengesahan peminjam akan disenaraikan. Klik pada icon imej di bahagian RADAS PENYINARAN.

| TUGASAN PENGESAHAN PENERIMAAN PEMINJAMAN | | |
|---|---|---|
| [icon] | METER TINJAU | 0 |
| [icon] | BAHAN RADIOAKTIF | 0 |
| [icon] | RADAS PENYINARAN | 1 |

Klik pada icon imej

3. Klik icon imej pada ruangan Pengesahan Peminjaman seperti gambarajah di bawah:

| PEMINJAMAN RADAS PENYINARAN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Perkara | | | | Catatan |
| Dipinjamkan Kepada | [ Baru ] | [icon] | [icon] | |
| Pengesahan Peminjaman | [icon] ( 1 ) | | | |
| Status Peminjaman | [ Senarai Status ] | | | |

Klik pada icon imej

4. Boleh juga dicapai secara manual dengan cara:
   - klik tab Maklumbalas & Kemaskini → Penyata Pemilikan→Radas Penyinaran
   - klik tab Peminjaman Radas
   - klik pada icon imej di ruangan Pengesahan Peminjaman.
5. Senarai rekod yang memerlukan pengesahan akan dipaparkan seperti di bawah. Rekod ini hanya akan terpapar dalam tempoh 5 hari selepas pihak pemberi pinjam membuat pengesahan.
6. Klik pada icon imej di bahagian kiri untuk pengesahan.

<< Sebelum

- Pengesahan perlu dibuat dalam **tempoh 5 Hari bekerja** dari tempoh persetujuan peminjaman ini dikemaskini.
- Jika pengesahan tidak dibuat oleh peminjam, rekod ini akan terbatal dan dikeluarkan dari senarai tugasan pengesahan secara automatik dan pihak pemberi pinjam perlu mengemaskini semula maklumat peminjaman.

**Peminjaman Radas Penyinaran - Pengesahan Penerimaan Peminjaman Oleh Syarikat Peminjam**

| | ID | Tarikh Kemaskini (Syarikat Pemberi Pinjam) | Syarikat Pemberi Pinjam | Tarikh Mula Pinjam | Tarikh Tamat Pinjam | Maklumat Radas Penyinaran Terlibat |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 60 | 04/01/2017 | DANAMIN (M) SDN. BHD. (554) | 04/01/2017 | 06/03/2017 | Model: XXG 3005; No Siri Panel: MK616; No Siri Tiub: 6053 |

Klik pada icon imej

7. Isikan maklumat Status Penerimaan dan catatan (jika perlu) dan klik butang Kemaskini di ruangan Pengesahan.

**Maklumat Perincian Peminjaman**

| | |
|---|---|
| Syarikat Pemberi Pinjam | [redacted] |
| Syarikat Peminjam | [redacted] |
| Surat Kebenaran Peminjaman | : 20170104165404.Doc2.doc [ Muat Turun ] |
| Tarikh Mula Pinjam | : 04/01/2017 |
| Tarikh Tamat Pinjam | : 31/03/2017 |
| TEMPOH SEBENAR DIBERI OLEH SISTEM | : **06/03/2017** |

**Senarai Radas Penyinaran Yang Dipinjam**

| Jenis dan Model | No Siri Panel | No Siri Tiub | Tempoh Sah Penyenggaraan |
|---|---|---|---|
| XXG 3005 | MK616 | 6053 | |

**Pengesahan Penerimaan Peminjaman Oleh Syarikat Peminjam**

**Sila tandakan ruangan Pengesahan jika pihak syarikat peminjam bersetuju untuk membuat pinjaman ke atas radas penyinaran terlibat.**

| | |
|---|---|
| **Status Penerimaan** | ○ Bersetuju Meminjam ○ Tidak Setuju ○ Draf Pengesahan |
| Catatan (Jika Perlu) | |

<< Sebelum Kemaskini